




JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 21 – 23 SEPTEMBER 2021

BIL. 41 / 2021



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 23 September 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 1,933,716** atau 89.7 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **198,281 kes yang masih aktif**. **Kes baharu** dicatatkan sebanyak **13,754 kes** dan seterusnya menjadikan jumlah jangkitan positif mencecah kepada **2,156,678 kes**. Sementara itu, **kes harian tertinggi** direkodkan pada 26 Ogos 2021 dengan **24,599 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.9 peratus** atau **13,750 kes** daripada catatan harian dengan **90.8 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 4 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **39.7 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (18.2 peratus), Zon Utara (16.3 peratus), Zon Selatan (15.7 peratus) dan Zon Pantai Timur (10.1 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Selangor** iaitu **1,985 kes** disusuli Johor (1,913 kes), Sarawak (1,766 kes), Sabah (1,629 kes), Kelantan (1,264 kes), Pulau Pinang (1,052 kes) dan Pahang (869 kes). Sejumlah **24,681 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **116 kematian terbaru** sementara **rekod tertinggi kematian** adalah **592 kes** yang dicatatkan pada 11 September 2021.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 23 september 2021 menunjukkan seramai **22,481,986** telah **divaksinasi bagi dos pertama**. Di peringkat negeri, **Selangor menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **4,177,126** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 2,826,293. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Johor (2,556,371), Sabah (2,094,503), Sarawak (1,954,565), Perak (1,596,462) dan Pulau Pinang (1,308,083). Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin bagi program vaksinasi dos pertama dan kedua telah mencecah 41.2 juta dos.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:
 - USA: **Pengumpulan inventori perniagaan perlakan pada bulan Julai.** Pengumpulan inventori perniagaan USA perlakan pada bulan Julai ketika peruncit kenderaan bermotor menghadapi kesukaran untuk mendapatkan

stok akibat gangguan bekalan semikonduktor global yang terus berlanjutan, yang memaksa pengeluar kenderaan untuk mengurangkan pengeluaran. Inventori perniagaan meningkat 0.5% bulan ke bulan setelah meningkat 0.9% pada bulan Jun. Pada asas perbandingan tahun ke tahun, inventori meningkat 7.2% pada Julai 2021. (Reuters)

- USA: **Tuntutan faedah pengangguran mingguan meningkat sedikit lebih tinggi** daripada yang dijangkakan pada minggu yang berakhir 11 September. Laporan yang dikeluarkan oleh Labor Department menunjukkan tuntutan pengangguran awal meningkat kepada 332,000, peningkatan 20,000 dari tahap semakan 312,000 minggu sebelumnya. (RTT)
- EU: **Lebihan perdagangan meningkat disokong eksport yang lebih tinggi.** Lebihan perdagangan meningkat kepada EURO13.4 bilion yang dari EURO11.9 bilion pada bulan Jun. Eksport meningkat 1% bulan ke bulan, sementara import hanya meningkat 0.3%. Eksport barang mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 11.4% dan import mencatat peningkatan 17.1%. (RTT)
- UK: **Lebih daripada 40% pertubuhan besar bergelut untuk menggaji pekerja.** Pertubuhan UK melaporkan peningkatan mendadak dalam kesukaran pengambilan pekerja. Sebanyak 41% syarikat dengan 10 atau lebih kakitangan melaporkan cabaran pengambilan pekerja lebih besar daripada biasa dalam dua minggu hingga 5 September. (Reuters)
- CHINA: **FDI Jan-Ogos meningkat 22.3% tahun ke tahun.** Pelaburan langsung asing (FDI) ke China dalam lapan bulan pertama tahun ini melonjak 22.3% dari tempoh yang sama tahun lalu. FDI meningkat kepada CNY758.05 bilion (USD117.7 bilion). (Reuters)
- JAPAN: **Japan menurunkan tinjauan ekonominya di tengah peningkatan risiko jangkitan COVID-19 semasa dan luar negara serta kesan negatif rantaian bekalan.** Ekonomi Japan terus meningkat, walaupun pada momentum lebih rendah akibat COVID-19. Kerajaan menurunkan penilaian terhadap perbelanjaan swasta dan pengeluaran industri. (RTT)
- JAPAN: **Defisit perdagangan Japan setinggi JPY635.4 bilion pada Ogos,** jauh dari jangkaan penurunan JPY47.7 bilion berbanding lebih JPY439.4 bilion pada bulan Julai. Eksport meningkat 26.2% tahun ke tahun, berbanding jangkaan kenaikan 34.0% dan turun daripada kenaikan 37.0% pada bulan sebelumnya. Sementara itu, Import meningkat 44.7% tahun ke tahun. (RTT)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. Kerajaan bercadang untuk **meluluskan bajet melebihi RM40 juta untuk PKS**. Seterusnya, kerajaan juga menyebarkan idea **digitalisasi bagi 300,000 PKS melalui pelan seperti SayaDigital, Go eCommerce dan Shop Malaysia Online**. Semenjak tahun 2020, kerajaan negeri Selangor telah mengadakan **4 penyenaraian** dalam talian yang memanfaatkan lebih daripada **290 ribu syarikat perusahaan digital**.
2. **Negeri Sembilan, Pahang dan Johor** masing-masing akan beralih kepada **Fasa 4, Fasa 3 dan Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN)** berkuatkuasa 24 September 2021. Negeri tersebut diberi kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) kepada beberapa sektor.
3. Bank Pembangunan Asia (ADB) **menurunkan tinjauan pertumbuhan ekonominya** pada tahun ini bagi rantau Asia membangun kepada **7.1 peratus daripada 7.3 peratus** sebelumnya berikutan kebimbangan berterusan terhadap pandemik COVID-19. Unjuran pertumbuhan untuk **2022 dinaikkan kepada 5.4 peratus daripada 5.3 peratus** sebelumnya.
4. Pada masa kini, **lebih daripada separuh jumlah keluaran industri automobil** adalah **didominasi** oleh pembuatan kereta nasional iaitu Perusahaan Otomobil Nasional (**Proton**) dan Perusahaan Otomobil Kedua (**Perodua**).
5. **Eksport minyak dan lemak berasaskan minyak kelapa sawit Malaysia** ke rantau Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA) dijangka **berkembang sehingga 75.0 peratus** dalam tempoh lima tahun akan datang daripada 64.0 peratus ketika ini, di sebalik pertumbuhan populasi dan peningkatan permintaan terhadap komoditi tersebut bagi industri makanan dan bukan makanan.
6. Lebih banyak **gangguan muncul di pasaran skrap tembaga global**. Malaysia telah mengancam untuk **menghentikan import bahan kitar semula** kelas rendah. **Malaysia muncul sebagai hab kitar semula utama** bagi tembaga dan aluminium, memproses dan membentuk skrap menjadi bentuk yang dapat diimport ke China.
7. AirAsia Group Bhd **mempercepat projek pendigitalannya** dengan **menekankan teknologi baru** dan memberi tumpuan untuk mendorong inovasi di seluruh portfolio syarikatnya. Asia Digital Engineering (ADE), bahagian pengendalian darat Ground Team Red (GTR) dan usaha

logistik Teleport, telah ditetapkan untuk **melonjakkan tahap pendigitalan dan data**. Disebalik kesukaran sewaktu COVID-19, ia juga menyebabkan lonjakan permintaan yang besar untuk penghantaran kargo dan membeli-belah dalam talian.

8. **Kesediaan pengusaha hotel dan produk pelancongan serta proses vaksinasi** antara syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh Pulau Pangkor untuk disenaraikan dalam **destinasi baharu bagi projek gelembung pelancongan negara**.
9. Sasaran kerajaan mewujudkan **500 ribu peluang pekerjaan** pada tahun ini **dapat dicapai** berikutan lebih 376 ribu telah berjaya **mendapat pekerjaan** sehingga September 2021. **Lebih 97 ribu pekerjaan baharu turut diwujudkan** melalui pelaburan domestik dengan 76 peratus daripadanya merupakan kategori mahir dan separuh mahir.
10. Master Builders Association Malaysia (MBAM) berharap **industri pembinaan** dapat **memulakan projek mega** melibatkan pembinaan jalan, rumah mampu milik, jambatan, sekolah dan hospital **dengan segera dan mempercepatkan proses tender** berkenaan. MBAM juga berharap **moratorium kepada perniagaan dapat dilanjutkan** sehingga 30 Jun 2022 serta memperluaskan manfaat kepada syarikat berhad dan syarikat pemajakan.
11. Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Nancy Shukri memaklumkan bahawa **Melaka, Genting Highlands dan Pulau Tioman** akan mula **dibuka kepada pelancong tempatan** bermula 1 Oktober 2021.
12. **Harga jualan kenderaan dijangka turun sebanyak dua hingga tiga peratus** sekiranya Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) diperkenalkan semula pada kadar **enam peratus**. Penjualan kenderaan baharu Malaysia meningkat **147 peratus kepada 15,700 unit** pada bulan Ogos daripada **7,086 unit** pada bulan Julai.
13. Menerusi Bantuan Khas COVID-19 (BKC), isi rumah **miskin tegar dibayar RM1,300** manakala **RM500 untuk warga emas** dan **RM500 bagi individu bujang** yang berada dalam kategori tersebut. Isi rumah berpendapatan rendah (B40) pula menerima bayaran RM800, RM200 untuk warga emas dan mereka yang bujang sebanyak RM200. BKC juga dipanjangkan kepada golongan berpendapatan sederhana (M40) yang mempunyai pendapatan isi rumah melebihi RM5,000 sebulan.

14. Kerajaan Negeri Sembilan **ersetuju meluluskan rebat cukai taksiran dan fi lesen** bagi **177 segmen** penginapan dan hotel dengan kadar diskaun masing-masing **50 peratus** bagi cukai taksiran penggal kedua tahun ini dan fi lesen hotel untuk tahun depan. Pemberian diskaun ini akan membabitkan anggaran kehilangan hasil pihak berkuasa tempatan (PBT) berjumlah **RM1.5 juta** bagi hasil cukai taksiran dan RM127,515 bagi lesen hotel.
15. Sebanyak **156 Pusat Pemberian Vaksin (PPV)** Awam dan Integrasi dikenal pasti bagi menyediakan **suntikan vaksin secara 'walk-in'** kepada remaja, di seluruh negara bermula 23 September 2021. Lebih **3.2 juta remaja** berumur 12 hingga 17 tahun dijangka terbabit dalam PICK-Remaja dan golongan remaja khususnya pelajar tingkatan 4 dan 5 perlu divaksinasi secepat mungkin sebelum pembukaan sekolah pada bulan Oktober 2021 nanti.
16. **Jumlah keseluruhan industri** (TIV) dijangka **meningkat semula** dalam beberapa bulan akan datang kerana pengeluar peralatan asal (OEM) **meningkatkan pengeluaran** untuk **memenuhi tunggakan pesanan semasa**.
17. Sejak Mac 2020, **MERCY Malaysia** telah memberikan bantuan melalui pelbagai kaedah, salah satunya adalah bantuan makanan. Coway Malaysia berhasrat untuk memberikan **penyelesaian yang dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat dengan lebih baik**. Sumbangan itu akan membiayai 3,600 paket makanan yang akan diedarkan kepada keluarga B40 di bandar dan luar bandar, keluarga petugas barisan hadapan B40, orang kurang upaya, golongan pelarian serta rumah perlindungan.
18. Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi Pahang memaklumkan **Pulau Tioman** hanya boleh **menerima kedatangan pelancong dalam tempoh dua bulan** dan akan **ditutup bermula Disember** ini susulan bakal menghadapi musim **tengkujuh**. Terdapat 1,821 bilik daripada 103 hotel berdaftar di pulau berkenaan.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 21 September 2021 (Non-essential)	<p>Kerjasama e-dagang Malaysia, China rancakkan ekonomi PKS</p> <p>Kerajaan bercadang untuk meluluskan bajet melebihi RM 40 juta untuk PKS. Seterusnya, kerajaan juga menyebarkan idea digitalisasi bagi 300,000 PKS melalui pelan seperti SayaDigital, Go eCommerce dan Shop Malaysia Online.</p> <p>Semenjak tahun 2020, kerajaan negeri Selangor telah mengadakan 4 penyenaraian dalam talian yang memanfaatkan lebih daripada 290 ribu syarikat perusahaan digital. Setelah Kerajaan Johor berjaya memperkenalkan penyenaraian talian bagi Johor, kerajaan juga meluluskan peruntukan sebanyak RM 500 ribu pada 9hb September untuk membuka Johor E-Marketplace 2.0 bagi menggalakkan PKS untuk memulakan E-dagang.</p>	https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2021/09/866616/kerjasama-e-dagang-malaysia-china-rancakkan-ekonomi-pks
2.	Metro 22 September 2021 (Non-essential)	<p>Negeri Sembilan, Pahang dan Johor beralih Fasa 4, Fasa 3 dan Fasa 2 PPN Jumaat ini</p> <p>Tiga negeri iaitu Negeri Sembilan, Pahang dan Johor beralih fasa PPN bermula 24 September. Negeri tersebut diberi kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) kepada beberapa sektor. Antara aktiviti yang dibenarkan adalah semua</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/758109/negeri-sembilan-pahang-dan-johor-beralih-fasa-4-fasa-3-dan-fasa-2-ppn-jumaat

		<p>kedai runcit, pasar raya mini, restoran, stesen minyak dan kedai serbaneka dibenarkan beroperasi daripada jam 6 pagi hingga jam 12 malam serta operasi perniagaan spa, pusat kesihatan (<i>wellness</i>) dan urut kesihatan dibenarkan kepada pengunjung dan operator yang sudah menerima dos lengkap vaksin.</p>	
3.	The Star 23 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Vehicle sales set to rise</p> <p>Total vehicle sales are expected to start picking up from this month, as the government's economic relaxation measures have allowed automotive players to resume operations.</p> <p>Automakers are already ramping up production to cater for order backlogs.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/09/23/vehicle-sales-set-to-rise

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan Persekutuan sedang mengusahakan pelbagai inisiatif bagi memperkuatkukuhkan kedudukan PKS terutamanya dari segi e-dagang dan ekonomi digital.
2. Negeri Sembilan, Pahang dan Johor masing-masing akan beralih kepada Fasa 4, Fasa 3 dan Fasa 2 berkuatkuasa 24 September. Negeri tersebut diberi kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) kepada beberapa sektor.
3. Pada masa kini, lebih daripada separuh jumlah keluaran industri adalah didominasi oleh pembuatan kereta nasional iaitu Proton dan Perodua.

Maklumbalas Bahagian:

1. Usaha kerajaan persekutuan serta kerajaan negeri untuk melaksanakan pelbagai langkah bagi meningkatkan pelaburan dalam ekonomi digital

<p>dilihat sebagai langkah terbaik untuk menjana semula ekonomi negara. PKS mewakili hampir 40 peratus perniagaan di Malaysia wajar menjadi fokus utama kerajaan ketika saat getir ini.</p> <ol style="list-style-type: none"> 2. Pembukaan aktiviti ekonomi yang lebih banyak dijangka dapat merancakkan semula ekonomi negara. Pada ST2 2021, KDNK negara mencatatkan pertumbuhan 16.1 peratus. Kesemua sektor utama kecuali Pertanian mencatatkan pertumbuhan positif. 3. Pembukaan semula industri automotif bermula Ogos lalu dapat mengurangkan kerugian terhadap industri tersebut. Berdasarkan perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya, perkhidmatan kenderaan bermotor mencatatkan pertumbuhan negatif 32.9 peratus pada ST2 2021 berbanding negatif 16.4 peratus pada suku tahun sebelumnya. 			
B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	New Straits Times 22 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	Malaysia's car sales surge 147pct in August over July, plummets against August 2020 Malaysia's new vehicle sales surged 147 per cent to 15,700 units in August from 7,086 units in July, the Malaysian Automotive Association (MAA). However, the August total industry volume (TIV) year-on-year was way off the 53,838 units sold in August 2020, the MAA said in its monthly sales and production announcement.	https://www.nst.com.my/business/2021/09/729526/malaysias-car-sales-surge-147pct-august-over-july-plummets-against-august
2.	New Straits Times 23 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	TIV to rebound in coming months as OEMs ramp up to meet backlog orders, says HLIB The total industry volume (TIV) is expected to rebound strongly in the coming months as original equipment manufacturers (OEMs) ramp up production to meet current order backlogs. Hong	https://www.nst.com.my/business/2021/09/729891/tiv-rebound-coming-months-oems-ramp-meet-backlog-orders-says-hlib

		Leong Investment Bank (HLIB) Research said the expected year-end sales will also support the TIV before the sales and services tax (SST) exemption expires by December 2021.	
3.	Harian Metro 23 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	Poket Selamat MR DIY kembali lagi MR DIY melancarkan kempen Poket Selamat siri ketujuh yang diadakan setiap tahun dengan edisi kali ini mengutamakan kelengkapan perlindungan diri sesuai dengan persediaan kembali ke pejabat dan sekolah. Memandangkan pejabat dan perniagaan di seluruh negara kini dibuka semula dan pelajar membuat persiapan untuk kembali ke sekolah pada Oktober depan, MR DIY ingin memastikan pelanggan mudah untuk mendapatkan serta mampu membeli peralatan perlindungan diri supaya kekal selamat.	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/09/758168/poket-selamat-mr-diy-kembali-lagi
B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan			
4.	Utusan Malaysia 22 September 2021 <i>(Essential)</i>	Hanya satu trip feri ke Langkawi dari Kuala Kedah ALOR SETAR: Perkhidmatan feri penumpang bagi perjalanan pergi dan balik dari Terminal Feri Kuala Kedah ke Pulau Langkawi hanya melibatkan satu trip bermula 23 September 2021. Pengurangan perjalanan feri dibuat berikutan kekurangan tempahan tiket pada masa ini.	https://www.utusan.com.my/terkini/2021/09/hanya-satu-trip-feri-ke-langkawi-dari-kuala-kedah/

	C. Subsektor Penginapan		
5.	My Metro 21 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Melaka, Genting Highlands, Tioman dibuka kepada pelancong 1 Okt</p> <p>Melaka, Genting Highlands dan Pulau Tioman akan dibuka kepada pelancong tempatan bermula 1 Oktober ini. Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, keputusan itu dibuat selepas Mesyuarat Menteri Kuartet hari ini selepas melihat perkembangan positif Projek Rintis Gelembung Pelancongan di Pulau Langkawi.</p>	https://www.hmetro.com.my/utama/2021/09/757541/melaka-genting-highlands-tioman-dibuka-kepada-pelancong-1-okt-metrotv#
6.	Utusan Malaysia 22 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Pangkor belum penuhi syarat gelembung pelancongan</p> <p>Pulau Pangkor masih perlu melengkapkan beberapa kriteria untuk disenaraikan dalam destinasi baharu bagi projek gelembung pelancongan negara. Pengurus Perumahan, Kerajaan Tempatan, dan Pelancongan negeri, Datuk Nolee Ashilin Mohammed Radzi berkata, antara syarat yang perlu dipenuhi adalah membabitkan kesediaan pengusaha hotel dan produk pelancongan serta proses vaksinasi di pulau berkenaan.</p>	https://utusan.news/berita/2021/09/pangkor-belum-penuhi-syarat-gelembung-pelancongan/
7.	Berita Harian 22 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Hotel, penginapan Negeri Sembilan dapat rebat cukai, fi</p> <p>Kerajaan negeri bersetuju meluluskan rebat cukai taksiran dan fi lesen bagi 177 segmen penginapan dan hotel di negeri ini. Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata, kadar</p>	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/09/867402/hotel-penginapan-negeri-sembilan-dapat-rebat-cukai-fi

		<p>diskaun masing-masing 50 peratus bagi cukai taksiran penggal kedua tahun ini dan fi lesen hotel untuk tahun depan. "Pemberian diskon ini akan membabitkan anggaran kehilangan hasil pihak berkuasa tempatan (PBT) berjumlah RM1.5 juta bagi hasil cukai taksiran dan RM127,515 bagi lesen hotel.</p>	
8.	Berita Harian 22 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Pulau Tioman terima pelancong 1 Oktober ini</p> <p>Pulau Tioman bersedia menerima kedatangan pelancong selepas Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) mengumumkan pembukaan lokasi pelancongan itu bermula 1 Oktober ini. Bagaimanapun, Pengurusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi Pahang, Datuk Seri Mohd Sharikar Shamsudin, berkata pulau peranginan itu hanya boleh menerima kedatangan pelancong dalam tempoh dua bulan dan akan ditutup bermula Disember ini susulan bakal menghadapi musim tengkujuh.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/867411/pulau-tioman-terima-pelancong-1-oktober-ini
9.	Berita Harian 22 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>BUMITRA anggap kebenaran rentas negeri jadi sinar baharu</p> <p>Kebenaran rentas negeri dan pembukaan semula aktiviti pelancongan apabila kadar vaksinasi dewasa mencencah 90 peratus kelak diharap dipersiapkan dengan prosedur operasi standard (SOP) ketat</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/867552/bumitra-anggap-kebenaran-rentas-negeri-jadi-sinar-baharu

		<p>supaya perkara itu bukan bersifat sementara.</p> <p>Presiden Persatuan Syarikat Pengendalian Pelancongan Bumiputera Malaysia (BUMITRA), Harun K C Ahmmu, berkata pihaknya menyambut baik dan mengalu-alukan keputusan kerajaan itu yang disifatkan sebagai 'sinar baharu' untuk pemain industri pelancongan.</p>	
10.	New Straits Times 23 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Shangri-La Group ready to welcome back guests</p> <p>The Shangri-La Group's seven hotels in Malaysia are going the extra mile to provide its staycation guests with added confidence now that intrastate tourism has resumed for states that have transitioned to Phase 2 of the National Recovery Plan.</p> <p>The group in a statement today said as part of its "Shangri-La Cares" commitment, one of its key priorities was a fully-vaccinated guest-facing workforce.</p>	<a 09="" 2021="" 730001="" avillion-expects-80-90pc-weekend-occupancy-rate-once-interstate-travel"="" business="" href="https://www.nst.com.my/news/nation/2021/09/729795/shangri-la-group-ready>Welcome back guests </td></tr> <tr> <td>11.</td><td> New Straits Times
 22 September 2021
 <i>(Essential)</i> </td><td> <p>Avillion expects 80-90pc weekend occupancy rate once interstate travel allowed</p> <p>Avillion Bhd hopes to achieve an occupancy rate of at least 40 per cent on weekdays and between 80-90 per cent on weekends and public holidays for its resorts in Port Dickson, Pulau Pangkor, and Cameron Highlands.</p> </td><td> Avillion expects 80-90pc weekend occupancy rate once interstate travel allowed

		The projection is based on the assumption that the government will relax the restrictions on interstate travel for fully vaccinated domestic travellers. "Avillion hotels are anticipating a surge in domestic travel demand once the announcement of the interstate restriction is lifted.	
	D. Subsektor Kesihatan		
12.	Utusan Malaysia 22 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Hospital swasta di Sarawak sedia bantu tambah katil kes COVID-19</p> <p>Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) sedia meminta anggotanya di Sarawak untuk turut membantu pertambahan katil bagi menangani lonjakan kes positif COVID-19.</p> <p>Presidennya, Datuk Dr. Kuljit Singh berkata, ia susulan sejumlah 3,732 kes baru direkodkan semalam di negeri itu dan jangkaan situasi menyebabkan kapasiti penuh penggunaan katil.</p>	https://www.utusan.com.my/berita/2021/09/hospital-swasta-di-sarawak-sedia-bantu-tambah-katil-kes-covid-19/
13.	Berita Harian 22 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Pengamal perubatan swasta, NGO terbabit PICK Remaja</p> <p>Pengamal perubatan swasta (PPS) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kesihatan akan terbabit dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Remaja (PICK Remaja) secara walk-in yang bermula Khamis ini.</p> <p>Ketua Pegawai Eksekutif ProtectHealth Corporation Sdn</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/867194/pengamal-perubatan-swasta-ngo-terbabit-pick-remaja

	Bhd (ProtectHealth), Datuk Dr Anas Alam Faizli berkata, sebanyak 2,200 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang membabitkan PPS dan NGO yang diselia di bawah Protect Health beroperasi di seluruh negara.	
Penemuan penting & isu:		
<ol style="list-style-type: none"> 1. Penjualan kenderaan baharu Malaysia meningkat 147 peratus kepada 15,700 unit pada bulan Ogos daripada 7,086 unit pada bulan Julai. 2. Jumlah keseluruhan industri (TIV) dijangka meningkat semula dalam beberapa bulan akan datang kerana pengeluar peralatan asal (OEM) meningkatkan pengeluaran untuk memenuhi tunggakan pesanan semasa. 3. MR DIY melancarkan kempen Poket Selamat siri ketujuh yang diadakan setiap tahun dengan edisi kali ini mengutamakan kelengkapan perlindungan diri. 4. Perkhidmatan feri Kuala Kedah ke Langkawi telah ditutup selama dua minggu sebelum ini berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kuala Kedah akan beroperasi semula pada 23 September dan hanya 129 tempahan tiket sahaja diterima berbanding 430 kapasiti penumpang diperuntukkan dalam sesbuah feri. 5. Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Nancy Shukri memaklumkan bahawa Melaka, Genting Highlands dan Pulau Tioman akan dibuka kepada pelancong tempatan bermula 1 Oktober ini. 6. Kesediaan pengusaha hotel dan produk pelancongan serta proses vaksinasi antara syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh Pulau Pangkor untuk disenaraikan dalam destinasi baharu bagi projek gelembung pelancongan negara. 7. Kerajaan Negeri Sembilan bersetuju meluluskan rebat cukai taksiran dan fi lesen bagi 177 segmen penginapan dan hotel dengan kadar diskaun masing-masing 50 peratus bagi cukai taksiran penggal kedua tahun ini dan fi lesen hotel untuk tahun depan. Pemberian diskaun ini akan membabitkan anggaran kehilangan hasil pihak berkuasa tempatan (PBT) berjumlah RM1.5 juta bagi hasil cukai taksiran dan RM127,515 bagi lesen hotel. 		

8. Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi Pahang, Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin, berkata Pulau Tioman hanya boleh menerima kedatangan pelancong dalam tempoh dua bulan dan akan ditutup bermula Disember ini susulan bakal menghadapi musim tengkujuh. Terdapat 1,821 bilik daripada 103 hotel berdaftar di pulau berkenaan.
9. Tujuh buah hotel dari Shangri-La Group di Malaysia memberikan komitmen yang tinggi dengan menyediakan tenaga kerja sebagai penyambut tetamu yang divaksin sepenuhnya serta memperkenalkan Perlindungan Kemalangan Diri StaySurance tanpa bayaran tambahan kepada para penginap.
10. Hotel Avillion berharap dapat mencapai kadar penghunian sekurang-kurangnya 40 peratus pada hari bekerja dan antara 80-90 peratus pada hujung minggu dan cuti umum bagi resort dibawahnya yang beroperasi di Port Dickson, Pulau Pangkor, dan Cameron Highlands ekoran kelonggaran sekatan perjalanan antara negeri untuk pelancong domestik yang diberi vaksin sepenuhnya.
11. Sejumlah 3,732 kes baharu direkodkan semalam di negeri Sarawak dan jangkaan situasi menyebabkan kapasiti penuh penggunaan katil.
12. Lebih 3.2 juta remaja berumur 12 hingga 17 tahun dijangka terbabit dalam PICK-Remaja dan golongan remaja khususnya pelajar tingkatan 4 dan 5 perlu divaksinasi secepat mungkin sebelum pembukaan sekolah pada bulan Oktober 2021 nanti.

Maklumbalas Bahagian:

1. Peralihan beberapa Negeri dari fasa satu ke fasa dua dilihat dapat merancakkan prestasi subsektor kenderaan bermotor.
2. Perkhidmatan feri Kuala Kedah yang akan kembali beroperasi pada 23 September berikutan tamatnya perlaksanaan PKPD, akan meningkatkan semula hasil kepada perkhidmatan operasi feri, teksi air (50112) bagi segmen Pengangkutan Air.
3. Gelembung pelancongan dijangka akan memberi kesan peningkatan pendapatan industri perkhidmatan penginapan untuk tempoh ST3 2021.
4. Kadar penghunian dijangka akan meningkat ekoran beberapa buah destinasi yang akan dibuka kepada pelancong menjelang Oktober 2021.

5. Pelbagai inisiatif kerajaan dalam menyasarkan peningkatan 20 peratus hospital swasta sebagai Hospital Rakan Bayi menjelang 2025 dalam amalan penyusuan ibu adalah makanan terbaik kepada bayi kerana mampu mencegah bayi mendapat penyakit kronik pada masa mendatang.
6. Kerjasama daripada sektor kesihatan swasta dan NGO dalam membantu pihak kerajaan amat memberangsangkan dalam memberi rawatan khususnya kepada pesakit COVID-19 dengan penambahan katil serta menyediakan lebih banyak PPV untuk mempercepatkan kadar vaksinasi di seluruh negara.

C.	Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Markets 22 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Malaysian palm oil shipments to MENA may grow up to 75% of region's import of the commodity in five years</p> <p>Malaysia's shipments of palm oil based-oils and fats to the Middle East and North Africa (MENA) may grow up to 75% of the region's import of the commodity in the next five years from the current 64%, amid population growth and an increase in demand for palm oil for the food and non-food industries.</p> <p>The MENA region does not produce sufficient oilseeds due to their geographical location and other limitations, and domestic and imported oilseeds only manage to meet 36% of the region's total requirement, thus the remaining balance has to be fulfilled through imports of vegetable oils.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/malaysian-palm-oil-shipments-mena-may-grow-75-regions-import-commodity-five-years

2.	<p>Reuters 23 September 2021 (Essential)</p>	<p>Column: Malaysia deals fresh blow to global copper scrap trade: Andy Home</p> <p>More disruption is looming in the global copper scrap market.</p> <p>This time it is Malaysia that is threatening to stop imports of lower-grade recyclable material. The country has emerged as a major recycling hub for both copper and aluminium, processing and upgrading scrap into a form that can be imported into China.</p> <p>The world has got more efficient in processing end-of-life products but to do so has relied on globalized trade. The United States and Europe in particular have got used to sending large quantities of low-grade material to first China, then other Asian countries such as Malaysia, for recycling.</p>	<p>https://www.reuters.com/business/energy/malaysia-deals-fresh-blow-global-copper-scrap-trade-andy-home-2021-09-22/</p>
----	---	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Eksport minyak dan lemak berasaskan minyak kelapa sawit Malaysia ke rantau Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA) dijangka berkembang sehingga 75.0 peratus dalam tempoh lima tahun akan datang daripada 64.0 peratus ketika ini, di sebalik pertumbuhan populasi dan peningkatan permintaan terhadap komoditi tersebut bagi industri makanan dan bukan makanan. Rantau MENA tidak menghasilkan biji minyak yang mencukupi berikut lokasi geografi dan batasan lain dan biji minyak domestik serta yang diimport hanya berupaya menampung 36.0 peratus daripada jumlah keperluan rantau itu, justeru bakinya perlu dipenuhi menerusi import minyak sayuran.
2. Lebih banyak gangguan muncul di pasaran skrap tembaga global. Malaysia telah mengancam untuk menghentikan import bahan kitar semula kelas rendah. Malaysia muncul sebagai hab kitar semula utama bagi tembaga

dan aluminium, memproses dan membentuk skrap menjadi bentuk yang dapat diimport ke China. Amerika Syarikat dan Eropah khususnya telah biasa mengirimkan sejumlah besar bahan berkualiti rendah ke China, kemudian negara-negara Asia lain seperti Malaysia, untuk dikitar semula.

Maklumbalas Bahagian:

- Nilai eksport minyak kelapa sawit dan hasil keluaran berdasarkan minyak kelapa sawit bagi Julai 2021 adalah RM9,689.0 juta dan menyusut RM504.5 juta atau 4.9 peratus bulan ke bulan. Volum eksport pula adalah 2.3 juta tan metrik dan turut menyusut sebanyak 139.5 ribu tan matrik atau 7.4 peratus bulan ke bulan. Eksport minyak sawit dan hasil keluaran minyak kelapa sawit bagi Julai 2021 menyumbang sebanyak 10.0 peratus kepada keseluruhan nilai eksport. Eksport minyak dan lemak sayuran mentah dan bertapis ke Afrika Utara bagi Julai 2021 adalah RM122.4 juta dan mencatatkan peningkatan drastik sebanyak RM99.2 juta atau 427.7 peratus bulan ke bulan. Eksport ke Timur Tengah pula adalah RM403.3 juta dan menyusut sebanyak RM348.6 juta atau 46.3 peratus bulan ke bulan.
- Nilai import kod SITC lima digit 28821; copper; waste and scrap bagi Julai 2021 adalah RM242.9 juta dan mencatatkan penurunan RM122.7 juta atau 33.6 peratus bulan ke bulan. Amerika Syarikat merupakan destinasi asal utama barang skrap tembaga dengan nilai import bagi Julai adalah RM73.3 juta atau 30.2 peratus, diikuti oleh Singapura (RM21.1 juta atau 8.7 peratus) dan Taiwan (RM18.8 juta atau 7.7 peratus).

D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge 21 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	China's entry into CPTPP will have big impact on region — MITI China's official announcement that it wants to join the Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP) will lead to a major economic impact on trade agreements. Senior Minister of International Trade and Industry Datuk Seri Mohamed Azmin Ali said with Malaysia as a major trading partner of China, the	https://www.theedgemarkets.com/article/chinas-entry-cptpp-will-have-big-impact-region-%E2%80%94-miti

		economic giant's policies and development agenda will have an impact on Malaysia and other countries in the region.	
--	--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. *Azmin Ali said under the CPTPP, China would need to offer market access without early exceptions whereby it needs to make more comprehensive and high-quality market access and fulfil CPTPP standards. Therefore, the expected wider and more comprehensive market access to China via its participation in the CPTPP soon will benefit Malaysia more compared to the ASEAN-China FTA. The entry of China into the CPTPP will enable our manufacturers and producers to use raw materials from China to produce final products which will be considered for preferential duty.*

Maklumbalas Bahagian:

1. China mengumumkan bahawa ia akan bergabung dengan CPTPP. Dasar dan agenda pembangunan ekonomi ini akan memberi kesan kepada Malaysia dan negara-negara lain di rantau ini. Kemasukan China ke CPTPP membolehkan kilang di Malaysia menggunakan bahan mentah dari China dan menghasilkan produk yang lebih berkualiti tinggi. Pada suku tahun kedua 2021, China selaku rakan dagang utama Malaysia kekal sebagai penyumbang utama peningkatan import dengan kenaikan sebanyak RM19.3 bilion.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	News Strait Times 22 September 2021 <i>(Essential)</i>	Airasia's digitalisation to provide a solid foundation for future growth AirAsia Group Bhd is accelerating its digitalisation by emphasising new technologies and focusing on driving innovation across its entire portfolio of companies. The carrier's engineering arm Asia Digital Engineering (ADE), ground handling division Ground Team Red (GTR) and logistics venture Teleport, are set to soar to new heights through digitisation and	https://www.nst.com.my/business/2021/09/729567/airasiast-digitalisation-provide-solid-foundation-future-growth

		<p>data. "A silver lining of COVID-19 has caused a huge surge in demand for cargo and online shopping deliveries and this is driving many new business opportunities and revenue streams. The huge potential, not only in super app and fintech solutions but also in logistics, aircraft maintenance and ground services divisions.</p>	
2.	The Edge Market 22 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>MBAM hopes construction industry can kick-start mega projects soon</p> <p>The Master Builders Association Malaysia (MBAM) is hoping the construction industry to be able to kick-start mega projects soon and expedite the tender process. In its Budget 2022 wish list, the association said these projects included construction of roads, affordable housing, bridges, schools and hospitals for the year 2022, which it hoped to be distributed immediately to contractors.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/mbam-hopes-construction-industry-can-kickstart-mega-projects-soon

Penemuan penting & isu:

1. AirAsia Group Bhd mempercepat projek pendigitalannya dengan menekankan teknologi baru dan memberi tumpuan untuk mendorong inovasi di seluruh portfolio syarikatnya. Asia Digital Engineering (ADE), bahagian pengendalian darat Ground Team Red (GTR) dan usaha logistik Teleport, telah ditetapkan untuk melonjakkan tahap pendigitalan dan data. Di sebalik kesukaran sewaktu COVID-19, ia juga menyebabkan lonjakan permintaan yang besar untuk penghantaran kargo dan membeli-belah dalam talian. Ini membuka banyak peluang perniagaan yang berpotensi besar, tidak hanya dalam aplikasi super dan fintech tetapi juga logistik, penyelenggaraan pesawat dan perkhidmatan darat. Dengan tenaga kerja yang berpengalaman lebih dari 15 tahun menguruskan armada AirAsia, diramalkan ADE akan segera menjadi pemain

MRO utama seterusnya memberikan aliran pendapatan baru yang signifikan untuk AirAsia Group. Dengan ini dijangka lebih banyak pengubahsuaian pesawat penumpang ke pesawat kargo pada masa akan datang.

2. MBAM berharap industri pembinaan dapat memulakan projek mega secepat mungkin, begitu juga dengan proses tender. Dalam senarai Belanjawan 2022, mereka mengharapkan projek-projek yang merangkumi pembinaan jalan raya, perumahan mampu milik, jambatan, sekolah dan hospital untuk tahun 2022 dan yang diharapkan dapat segera diberikan kepada kontraktor. Mereka juga mencadangkan tender yang lebih terbuka untuk mendorong penawaran yang adil dan kompetitif. Selain itu mereka juga berharap moratorium perniagaan dipanjangkan hingga 30 Jun 2022. Untuk memulihkan aliran tunai, pihaknya berharap biaya untuk projek pembinaan dapat dikurangkan melalui subsidi *interest* atau jaminan kerajaan. MBAM juga berharap subsidi dan insentif pengurangan cukai akan diberikan untuk mesin dan peralatan pembinaan baru dengan teknologi baru dan ciri keselamatan untuk mempromosikan pengembangan perindustrian dan industri automasi. Selain itu, pihaknya berharap pemerintah dapat menyediakan tanah dan infrastruktur yang sesuai untuk mendirikan tempat tinggal pekerja untuk menampung lebih banyak pekerja termasuk kemudahan seperti elektrik, air, komunikasi dan lain-lain.

Maklumbalas Bahagian:

1. Perkhidmatan digital oleh AirAsia Group Bhd menyebabkan lonjakan permintaan yang besar untuk penghantaran kargo dan membeli-belah dalam talian. Jangkaan lebih banyak pengubahsuaian pesawat penumpang ke pesawat kargo pada masa akan datang disebabkan lonjakan dalam perkhidmatan digital. Ia akan memberi kesan kepada penyusunan Statistik Perkhidmatan terutamanya bagi komponen Perkhidmatan penyenggaraan dan pemberian t.t.t.l. dan Pengangkutan. Pada suku tahun kedua 2021, akaun Perkhidmatan mencatatkan defisit sebanyak RM15.4 bilion berbanding RM15.0 bilion pada suku tahun sebelumnya.
2. Permulaan projek mega secepat mungkin dan pembukaan tender oleh kerajaan akan mendorong peningkatan ekonomi terutama dalam sektor Pembinaan. Ini akan memberi impak positif kepada penyusunan statistik Imbalan Pembayaran secara keseluruhannya terutamanya bagi komponen Pembinaan. Pada suku tahun kedua 2021, komponen Pembinaan mencatatkan defisit yang lebih rendah iaitu RM245 juta berbanding defisit RM718 juta pada suku tahun sebelumnya.

F. Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 22 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>ADB turunkan prospek ekonomi rantau Asia</p> <p>Bank Pembangunan Asia (ADB) menurunkan tinjauan pertumbuhan ekonominya pada tahun ini bagi rantau Asia membangun kepada 7.1 peratus daripada 7.3 peratus sebelumnya berikutan kebimbangan berterusan terhadap pandemik COVID-19.</p> <p>Bagaimanapun, ADB menaikkan unjuran pertumbuhan untuk 2022 kepada 5.4 peratus daripada 5.3 peratus sebelumnya.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/867272/adb-turunkan-prospek-ekonomi-rantau-asia
2.	Berita Harian 22 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>RMKe-12 perlu tumpu pendigitalan sektor ekonomi</p> <p>Proses pendigitalan sektor ekonomi adalah perkara yang kritikal dan perlu diberi perhatian dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) untuk memastikan sektor ini kembali pulih.</p> <p>Isu paling ketara hari ini ialah berkaitan pendigitalan disebabkan oleh krisis COVID-19 dan proses pendigitalan berlaku dengan mendadak dan cepat termasuk penciptaan banyak pekerjaan baharu yang bersifat gig. Adaptasi teknologi baharu oleh perniagaan terutama perusahaan kecil dan sederhana (PKS) akan membantu golongan itu untuk kembali beroperasi dengan lebih cekap.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/867250/rmke-12-perlu-tumpu-pendigitalan-sektor-ekonomi

3.	<p>Berita Harian 23 September 2021 (Non-essential)</p>	<p>'Peralihan fasa mampu rancakkan semula ekonomi'</p> <p>Negeri Sembilan berada di landasan yang tepat untuk terus memulihkan ekonomi yang terjejas teruk akibat penularan wabak COVID-19 selepas negeri itu beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula esok.</p> <p>Peralihan berkenaan tidak dapat direalisasikan tanpa kerjasama petugas barisan hadapan dan kepatuhan penduduk negeri itu terhadap prosedur standard operasi (SOP).</p>	<p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/867750/peralihan-fasa-mampu-rancakkan-semula-ekonomi</p>
----	---	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Bank Pembangunan Asia (ADB) menurunkan prospek ekonomi rantau Asia membangun kepada 7.1 peratus daripada 7.3 peratus sebelumnya berikutan kebimbangan berterusan terhadap pandemik COVID-19. Sementara itu, ADB menaikkan unjuran pertumbuhan untuk 2022 kepada 5.4 peratus daripada 5.3 peratus sebelumnya.
2. Proses pendigitalan sektor ekonomi antara perkara kritikal dan perlu diberi perhatian dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) untuk memastikan sektor ekonomi kembali pulih susulan proses pendigitalan berlaku secara mendadak ekoran pandemik COVID-19. Di samping itu, terdapat banyak penciptaan pekerjaan baharu bersifat gigi. Justeru adaptasi teknologi baharu oleh perniagaan terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) akan membantu golongan tersebut untuk kembali beroperasi dengan lebih cekap.
3. Negeri Sembilan berada di landasan yang tepat untuk terus memulihkan ekonomi yang terjejas teruk akibat penularan wabak COVID-19 selepas beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula 24 September 2021. Peralihan fasa tidak dapat direalisasikan tanpa kerjasama baik semua petugas barisan hadapan yang berusaha menguatkuasakan prosedur standard operasi (SOP).

Maklumbalas Bahagian:

1. Prospek pertumbuhan ekonomi rantau Asian pada 2022 diunjurkan meningkat 0.1 peratus kepada 5.4 peratus menurut ADB. Pelan Pemulihan Ekonomi yang lebih menyeluruh bagi merancakkan ekonomi serta kejayaan pemberian vaksinasi dijangka dapat membantu mempercepatkan pemulihian ekonomi negara. Selain itu, mendorong peningkatan permintaan dan perbelanjaan dalam sektor ekonomi dan isi rumah seterusnya menjana aliran pasaran domestik dan luar negara.
2. Inisiatif Kerajaan terhadap usaha pendigitalan sektor ekonomi terutamanya PKS yang terjejas untuk terus menjalankan perniagaan dengan cekap dalam era endemik COVID-19. Selain itu, usaha ini memastikan peniaga PKS dapat bersedia dengan adaptasi teknologi baharu berteraskan e-dagang. KDNK PKS telah mencatatkan pertumbuhan pada negatif 7.3 peratus, yang mana lebih rendah berbanding KDNK Malaysia untuk pertama kalinya dalam tempoh 17 tahun sejak 2003.

G.	Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 21 September 2021 <i>(Essential)</i>	Spritzer, NGO bantu golongan terjejas COVID-19 Spritzer Malaysia, pengeluar air mineral semula jadi menyatakan komitmen untuk terus menyumbang kepada golongan yang bernasib baik ketika pandemik COVID-19 ini. Spritzer ketika ini telah menyumbang bantuan bernilai lebih dari RM60,000 yang diagihkan menerusi NGO, bank makanan dan restoran.	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/09/866858/spritzer-ngo-bantu-golongan-terjejas-COVID-19
2.	Utusan Malaysia 21 September 2021 <i>(Essential)</i>	Sabah beri RM1,000 kepada 937 mangsa banjir Kerajaan negeri Sabah akan memberi bantuan RM1,000 kepada 937 mangsa yang terjejas banjir di daerah Penampang	https://www.utusan.com.my/terkini/2021/09/sabah-beri-rm1000-kepada-937-mangsa-banjir/

		termasuk penduduk Kampung Sugud.	
3.	Berita Harian 21 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Pendapatan 580,000 golongan M40 turun kepada B40</p> <p>Menerusi laporan yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, 20 peratus isi rumah iaitu kira-kira 580,000 isi rumah yang berada dalam kategori M40 yang mana merekodkan pendapatan bulanan sebanyak RM4,850 hingga RM10,959 telah beralih menjadi golongan B40.</p> <p>Dalam masa yang sama insiden kemiskinan mutlak turut meningkat kepada 8.4 peratus berbanding 5.6 peratus pada 2019 akibat kesan daripada pandemik COVID-19.</p>	https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2021/09/866896/pendapatan-580000-golongan-m40-turun-kepada-b40
4.	Berita Harian 22 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Coway, MERCY Malaysia sumbang bantuan makanan</p> <p>Coway Malaysia tampil menyumbang sejumlah RM400,000 kepada Program Bantuan Bakul Makanan MERCY Malaysia bagi menyampaikan bekalan makanan asas kepada komuniti memerlukan dan terjejas akibat pandemik COVID-19.</p>	https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2021/09/867082/coway-mercy-malaysia-sumbang-bantuan-makanan
5.	Sinar Harian 22 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Beri peniaga kecil geran modal RM1,000</p> <p>Kerajaan disaran menyediakan geran modal sebanyak RM1,000 secara sekali bayar kepada peniaga kecil dan RM3,000 kepada syarikat untuk menggerakkan semula ekonomi</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/162716/BERITA/Nasional/Beri-peniaga-kecil-geran-modal-RM1000

		negara menerusi Belanjawan 2022.	
6.	Sarawak Voice 22 September 2021 (Essential)	501 pelajar terima bantuan pakaian Yayasan Sarawak Seramai 501 pelajar dari 18 buah sekolah dalam DUN Samalaju menerima Bantuan Pakaian Seragam Sekolah Yayasan Sarawak dengan kos keseluruhan berjumlah RM100,200. Mereka terdiri daripada 315 penerima ekasih, 22 pelajar Orang Kurang Upaya (OKU), Penan (19), pelajar Tingkatan Satu (90) dan 55 murid Tahun Satu.	https://sarawakvoice.com/2021/09/22/501-pelajar-terima-bantuan-pakaian-yayasan-sarawak/
7.	Utusan 22 September 2021 (Essential)	Harga purata ayam nasional sekitar RM8.79 sekilogram ketika ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berpuas hati dengan purata harga ayam nasional yang dicapai ketika ini, iaitu sekitar RM8.79 sekilogram.	https://www.utusan.com.my/nasional/2021/09/harga-purata-ayam-nasional-sekitar-rm8-79-sekilogram-ketika-ini/
8.	Berita Harian 22 September 2021 (Essential)	GST boleh kurangkan harga kereta Harga kenderaan dijangka turun antara satu hingga enam peratus jika Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada kadar enam peratus dilaksanakan semula menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang dikenakan ketika ini.	https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2021/09/867341/gst-boleh-kurangkan-harga-kereta

9.	Utusan Malaysia 23 September 2021 <i>(Essential)</i>	RM1,000 sebulan jika hilang pendapatan Sejak tercetusnya pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020, desakan dibuat agar kerajaan memperkenalkan Skim Jaminan Pendapatan Asas kepada sesiapa yang kehilangan punca pendapatan akibat wabak itu. Menerusi skim tersebut, setiap keluarga yang kehilangan punca pendapatan harus dibayar RM1,000 sebulan bagi memastikan tidak terjerumus ke dalam kancang kemiskinan.	https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2021/09/rm1000-sebulan-jika-hilang-pendapatan/
----	---	---	---

Penemuan penting & isu:

1. Sumbangan ini cukup bermakna kepada Spritzer bersempena sambutan ulang tahun penubuhan ke-32 hari ini. Spritzer mengakui pandemik ini begitu berat kesannya terhadap golongan B40, masyarakat Orang Asli, gelandangan dan penduduk luar bandar. Syarikat ini telah meningkatkan program jangkauan masyarakatnya pada April 2021 menerusi kerjasama dengan badan bukan kerajaan iaitu membekalkan mereka bantuan dalam bentuk air minuman bersih ketika gelombang ketiga pandemik COVID-19 melanda.
2. Seramai 937 orang akan diberikan bantuan RM1,000 secara tunai, selain kita juga akan bina semula 10 buah rumah yang dihanyutkan sewaktu bencana alam, baru-baru ini. Kerajaan negeri akan bantu membina semula rumah mereka serta peralatan yang diperlukan.
3. Kira-kira 580,000 isi rumah yang berada dalam golongan M40 telah beralih ke B40 akibat kesan daripada wabak COVID-19 yang melanda negara.
4. Sejak Mac 2020, MERCY Malaysia telah memberikan bantuan melalui pelbagai kaedah, salah satunya adalah bantuan makanan. Coway Malaysia berhasrat untuk memberikan penyelesaian yang dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat dengan lebih baik. Sumbangan itu akan membiayai 3,600 pek makanan yang akan diedarkan kepada keluarga B40 di bandar dan luar

bandar, keluarga petugas barisan hadapan B40, orang kurang upaya, golongan pelarian serta rumah perlindungan.

5. Presiden Persatuan Peniaga dan Penjaja Bumiputera Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata, geran tersebut akan memberi harapan baharu kepada peniaga untuk memulakan semula perniagaan selepas kes COVID-19 dalam negara menunjukkan penurunan. Rosli menambah, kerajaan juga dicadang memberikan pelepasan bayaran lesen pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya rakyat selesa berniaga dan tidak memikirkan hutang ditanggung mereka.
6. Dicadangkan kepadada Yayasan Sarawak supaya bantuan tidak terhad kepada pembelian pakaian seragam sahaja, tetapi diperluaskan untuk membeli gajet bagi kegunaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PDPR). Bantuan seperti itu, jelasnya, sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban yang ditanggung ibu dan bapa dalam menyediakan keperluan persekolahan anak selepas pandemik COVID-19.
7. KPDNHEP memaklumkan daripada pemeriksaan dilaksanakan terdapat 11 premis dikesan masih menjual pada harga RM10 ke atas, 147 premis (RM9.50 ke atas), 339 premis (RM9.50 ke bawah) dan 103 premis (RM8 ke bawah). Ini menunjukkan trend penurunan harga lebih baik berbanding minggu sebelumnya iaitu sekitar RM11.00 hingga RM11.50 pada dua minggu yang lalu.
8. Harga kenderaan dijangka turun antara satu hingga enam peratus jika Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada kadar enam peratus dilaksanakan semula menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang dikenakan ketika ini. Dengan mengambil kira GST pada kadar enam peratus yang dikenakan pada April 2015, sebahagian besar harga model kenderaan di pasaran tempatan susut satu hingga tiga peratus. Ketika GST dilaksanakan pada April 2015 menggantikan SST, harga kenderaan secara keseluruhannya turun. Hal ini berlaku kerana kaedah pengiraan GST adalah cukai nilai tambah di mana cukai dibayar pada setiap peringkat transaksi perniagaan, manakala SST dibayar sekali saja oleh pengilang atau pengimport.
9. Menerusi BKC, isi rumah miskin tegar dibayar RM1,300 manakala RM500 untuk warga emas dan RM500 bagi individu bujang yang berada dalam kategori tersebut. Isi rumah berpendapatan rendah (B40) pula menerima bayaran RM800, RM200 untuk warga emas dan mereka yang bujang sebanyak RM200. BKC juga dipanjangkan kepada golongan berpendapatan sederhana (M40) yang mempunyai pendapatan isu rumah melebihi RM5,000 sebulan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kerajaan persekutuan dan negeri menyediakan pelbagai bantuan, subsidi dan inisiatif bagi membantu dan mengurangkan beban rakyat Malaysia yang terkesan untuk meneruskan kelangsungan hidup melalui pelbagai medium. Isu semasa berkaitan perbelanjaan isi rumah, kumpulan pendapatan isi rumah, kemiskinan dan penyaluran bantuan kepada isi rumah akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan pendapatan isi rumah bagi survei HIES dan juga kajian pemetaan program bantuan dalam pembangunan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS).
2. Kenaikan harga ayam akan memberi kesan kepada kenaikan harga barang keperluan asas pengguna dan ianya turut memberi impak kepada kos sara hidup rakyat terutamanya dalam fasa pandemik COVID-19. Kawalan harga oleh kerajaan dan penurunan harga yang berlaku akan secara tidak langsung meredakan tekanan inflasi item ayam ini dan sekali gus mengurangkan tekanan kos sara hidup rakyat.
3. Pelaksanaan semula GST bukan sahaja memberi kesan kepada harga kenderaan bermotor, malahan ianya juga secara tidak langsung akan memberikan kesan kepada semua barang dan perkhidmatan yang terlibat. Hal ini akan memberikan kesan langsung kepada inflasi negara.

H. Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 23 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	PARLIMEN: 86 peratus BID tiada jagaan kesihatan Sebanyak 86 peratus daripada keseluruhan kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID) setakat Ogos lalu didapati tidak mendapat jagaan daripada penyedia perkhidmatan kesihatan.	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/867795/parlimen-86-peratus-bid-tiada-jagaan-kesihatan

Penemuan penting & isu:

1. KKM prihatin dengan pola laporan BID yang setakat Ogos lalu membabitkan 2,417 kes. Penelitian mengikut pecahan daripada perangkaan keseluruhan itu pula mendapati hanya 217 atau 14 peratus mendapat jagaan kesihatan, sama ada oleh Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) atau pengamal perubatan (GP) swasta sepanjang menjalani kuarantin di rumah. Paling ketara ialah apabila

2,200 kes BID atau 86 peratus didapati tidak mendapat sebarang jagaan daripada penyedia perkhidmatan kesihatan CAC atau GP. Justeru, KKM meminta kementerian teliti sebab golongan ini tidak berada di bawah jagaan perkhidmatan kesihatan, sama ada mereka tidak mengalami sebarang gejala, hipoxia, sehingga tahap kesihatan merosot dalam tempoh 48 jam. Ini membuatkan mereka tidak sempat dihantar ke hospital kerana memang kita dapati, kemerosotan kesihatan berlaku secara tiba-tiba. KKM inginkan rakyat yakin dengan kuarantin di rumah, dengan segala kelengkapan dan pemantauan dibuat secara rapi supaya setiap perkembangan diambil kira.

Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun kedua 2021 ialah:

- Jumlah kematian pada suku tahun kedua 2021 direkodkan sebanyak 44,307 kematian, meningkat sebanyak 10.1 peratus berbanding suku tahun kedua 2020 (40,241 kematian);
- Sejumlah 25,216 kematian adalah lelaki sementara 19,091 kematian adalah perempuan;
- Sebanyak 3,898 kematian akibat COVID-19 direkodkan iaitu meningkat 78 kematian berbanding suku sama tahun lalu.
- Data juga menunjukkan kematian tertinggi akibat COVID-19 dicatatkan bagi kumpulan umur 65 hingga 69 tahun diikuti kumpulan umur 70-74 tahun.
- Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 1,236 kematian manakala Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya empat kematian.

Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.

I.	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 21 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	156 PPV untuk vaksinasi remaja secara walk-in Sebanyak 156 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Awam dan Intergrasi dikenal pasti bagi menyediakan suntikan vaksin secara 'walk-in' kepada remaja, di seluruh negara. Pemberian vaksin secara 'walk-in' kepada remaja menerusi Program	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/866757/156-ppv-untuk-vaksinasi-remaja-sekara-walk

		Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Remaja itu akan bermula Khamis ini. Kaedah 'walk-in' berjadual akan dilakukan mengikut lokasi sekolah berhampiran dengan PPV yang dikenal pasti dan akan dilaksanakan mengikut giliran serta tarikh dan masa yang ditetapkan.	
2.	Berita Harian 21 September 2021 (Non-Essential)	<p>Lebih 100 guru di Negeri Sembilan belum sedia terima vaksin</p> <p>Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan mengesahkan lebih 100 guru di negeri ini yang belum bersedia untuk menerima suntikan vaksin COVID-19.</p> <p>Jumlah itu mewakili 1.08 peratus daripada 17,459 guru di seluruh Negeri Sembilan. Seramai 142 guru dikesan belum bersedia untuk mengambil vaksin, dengan alasan mempunyai penyakit atau alahan.</p>	https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2021/09/866731/lebih-100-guru-di-negeri-sembilan-belum-sedia-terima-vaksin
Penemuan penting & isu:			
<ol style="list-style-type: none"> 1. Sebanyak 156 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Awam dan Intergrasi dikenal pasti bagi menyediakan suntikan vaksin secara 'walk-in' kepada remaja, di seluruh negara bermula 23 September 2021. 2. Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan mengesahkan lebih 100 guru di negeri ini yang belum bersedia untuk menerima suntikan vaksin COVID-19. 			
Maklumbalas Bahagian:			
<ol style="list-style-type: none"> 1. Remaja merupakan antara golongan yang berisiko jika terdedah dengan virus COVID-19. Penyediaan suntikan vaksin secara "walk-in" adalah inisiatif kerajaan untuk memudahkan dan menggalakkan golongan tersebut mendapat suntikan Merujuk kepada Statistik Kanak-kanak 2020, anggaran 			

<p>bilangan kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah adalah sebanyak 9,247.5 ribu.</p> <p>2. Para guru haruslah divaksin sebelum pembukaan semula sekolah bagi memastikan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dilaksanakan dalam keadaan selamat kepada semua pihak terutamanya murid. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan murid sekolah rendah kerajaan dan menengah kerajaan di Negeri Sembilan pada 2019 masing-masing adalah seramai 104,290 orang dan 85,310 orang.</p>			
J. Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Market 23 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Ismail Sabri: Target to create 500,000 job opportunities shall be achieved</p> <p>The government's target to create 500,000 job opportunities this year shall be achieved as over 376,000 jobseekers were able to secure employment between January and Sept 10.</p> <p>97,000 new jobs also created through domestic investments, 76% of which are in skilled and semi-skilled categories.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/ismail-sabri-target-create-500000-job-opportunities-shall-be-achieved
2.	The Edge Market 22 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>200 individuals participate in Pemulih SiberKASA Programme</p> <p>A total of 200 individuals have successfully participated in the Pemulih SiberKASA: Cybersecurity Upskilling Training Programme since the application was opened last July.</p> <p>The programme comprised capacity building and on-the-job training for three months, followed by placement in the industry for</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/200-individuals-participate-pemulih-siberkasa-programme

		<p>six to 12 months. Pemulih SiberKASA is expected to provide new employment opportunities to IT (information technology) workers.</p>	
3.	The Edge Market 21 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Khairy gives assurance for 'better interim solution' to issue of contract doctors</p> <p>Health Ministry has given assurance to find a better interim solution to issues facing health officers serving the government on a contract basis.</p> <p>The government announced that contract medical, dental and pharmaceutical officers would be given a two-year contract after they complete their compulsory service. It is estimated around 23,000 contract health officers throughout the country.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/khairy-gives-assurance-better-interim-solution-issue-contract-doctors

Penemuan penting & isu:

1. Sasaran kerajaan mewujudkan 500 ribu peluang pekerjaan pada tahun ini dapat dicapai berikutan lebih 376 ribu telah berjaya mendapat pekerjaan sehingga September 2021. Lebih 97 ribu pekerjaan baharu turut diwujudkan melalui pelaburan domestik dengan 76 peratus daripadanya merupakan kategori mahir dan separuh mahir.
2. Seramai 200 individu telah berjaya menyertai Pemulih SiberKASA: Program Latihan Kemahiran Keselamatan Siber sejak permohonan dibuka pada Julai 2021. Program ini meliputi pembangunan kapasiti serta sesi latihan bagi tempoh tiga bulan dan seterusnya penempatan di industri selama enam hingga dua belas bulan. Program ini bagi membantu individu memiliki latar belakang teknologi maklumat (IT) yang kehilangan pekerjaan, termasuk graduan siswazah tidak mempunyai pekerjaan.
3. Kementerian Kesihatan memberi jaminan akan mencari penyelesaian terbaik berhubung isu yang dihadapi pegawai kesihatan lantikan kontrak. Kerajaan telah mengumumkan pegawai perubatan, pergigian dan pegawai

farmasi lantikan kontrak ditawarkan pelantikan secara kontrak selama dua tahun selepas melengkapkan tempoh khidmat wajib. Dianggarkan terdapat seramai 23 ribu pegawai kesihatan kontrak di seluruh negara.

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan Julai 2021 yang diterbitkan pada 9 Ogos 2021 adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 16,072.9 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,294.8 ribu
 - iii) Penganggur: 778.2 ribu
 - iv) Luar tenaga buruh: 7,475.4 ribu
 - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
 - vi) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
2. Statistik utama tenaga buruh pada ST2 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 15,972.2 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,207.3 ribu
 - iii) Penganggur: 764.9 ribu
 - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
 - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
3. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST2 2021:
 - i) Jawatan: 8,351.8 ribu
 - ii) Jawatan diisi: 8,173.7 ribu
 - iii) Kekosongan: 178.0 ribu
 - iv) Pewujudan jawatan: 16.18 ribu
 - v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
 - vi) Kadar kekosongan: 2.1%
4. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST2 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
 - i) Pertanian: 1,886 ribu orang (Sumbangan: 12.4%)
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 74 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
 - iii) Pembuatan: 2,577 ribu orang (Sumbangan: 16.9%)
 - iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
 - v) Perkhidmatan: 9,279 ribu orang (Sumbangan: 61.0%)
 - vi) Jumlah: 15,207 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)